

18 JAN 1999

Sakaran-Perutusan

UMAT ISLAM HARUS BERSYUKUR DAPAT SAMBUT HARI RAYA DENGAN AMAN

KOTA KINABALU, 18 Jan (Bernama) -- Yang Dipertua Negeri Tun Sakaran Dandai berkata umat Islam di negara ini perlu bersyukur kerana dapat menyambut Aidilfitri dalam suasana aman dan harmoni.

Keadaan seperti ini mungkin tidak wujud di negara-negara lain yang masih bergelut dengan kancah peperangan dan kegawatan ekonomi, katanya dalam perutusan Hari Raya.

"Keadaan yang aman dan damai di negara ini sudah pastinya tidak terjadi dengan sendirinya tanpa susah payah, ketelitian serta komitmen kerajaan yang diterajui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad," katanya.

Beliau menggesa semua pihak menghargai suasana aman dan kestabilan yang dinikmati di negara ini dan berusaha mengekang apa juga bentuk gejala yang boleh merosakkan perpaduan dan keharmonian.

"Segala peristiwa pahit dan permusuhan sesama sendiri yang melanda umat Islam di negara lain seharusnya dihindari oleh umat Islam di Malaysia agar perpaduan di kalangan rakyat pelbagai kaum dapat terus diperkukuh," katanya.

Sakaran turut menggesa golongan berada di kalangan umat Islam agar tidak melupakan mereka yang kurang bernasib baik, sebaliknya menghulurkan bantuan kepada fakir miskin serta anak-anak yatim agar mereka sama-sama dapat berkongsi kegembiraan Hari Raya.

Sokongan juga perlu terus diberikan kepada kerajaan, khususnya dalam menangani kegawatan ekonomi dengan cara berusaha lebih gigih, khususnya dalam meningkatkan pengeluaran tempatan.

Sementara itu, Ketua Menteri Sabah Tan Sri Bernard Dompok hari ini menggesa rakyat negeri ini agar terus mempertahankan perpaduan dan sikap saling menghormati antara penganut pelbagai agama di negara ini.

Dalam perutusannya sempena Hari Raya, Dompok yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN) Sabah dan Presiden Parti Demokratik Sabah (PDS), turut berharap agar amalan kunjung-mengunjungi sempena musim perayaan diteruskan bagi meningkatkan lagi persefahaman rakyat pelbagai kaum di negara ini.

"Amalan baik ini merupakan antara formula kita untuk mengekalkan keharmonian, perpaduan, kemakmuran dan pembangunan yang berterusan," katanya.

Menurutnya penyertaan kaum untuk sama-sama bergembira sempena perayaan Hari Raya menunjukkan bahawa agama tidak menjadi penghalang kepada rakyat negara ini untuk berinteraksi antara satu dengan yang lain.

"Sebaliknya, perayaan ini merupakan landasan ke arah mengukuhkan lagi perpaduan yang sedia wujud di kalangan rakyat pelbagai kaum, agama dan kebudayaan di Sabah," kata beliau.

Beliau juga meminta rakyat negeri ini agar bekerjasama dalam menangani anasir-anasir yang boleh menggugat perpaduan rakyat.

Rakyat juga, katanya, perlu bersikap proaktif dan menyokong sebarang langkah kerajaan dalam usaha mengatasi masalah yang dihadapi.

-- BERNAMA

JS MAI PR